



03 AUG, 2021

FAMA pasarkan 11,000 tan hasil tani

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2



Che Abdullah (dua dari kanan) melihat lambakan timun yang diusahakan Nik Izani Nik Yaakub (kanan) ketika lawatannya di projek tanaman timun seluas tiga ekar di Kampung Pulai, Mukim Chicha Tinggi, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

FAMA pasarkan 11,000 tan hasil tani

Inisiatif bantu petani berhadapan lambakan sayur-sayuran

Oleh Syaherah Mustafa
bhnews@bh.com.my

Pasir Mas: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membantu memasarkan 11,000 tan hasil pertanian membabitkan nilai khidmat pemasaran sejumlah RM38.22 juta di seluruh negara bermula 25 Mei sehingga 29 Julai 2021.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata semua hasil pertanian yang dipasarkan oleh FAMA dibawa ke kawasan yang memerlukan, selain diguna sebagai produk sumbangan dalam program MAFI Pr-ihatin.

Katanya, inisiatif berkenaan secara tidak langsung dapat membantu golongan petani yang berhadapan masalah lambakan sayur-sayuran sebagaimana berlaku kepada pengusaha tanaman timun yang dilaporkan baru-baru ini.

"Pada dasarnya, FAMA telah membantu petani memasarkan hasil tanaman mereka, selain tu-

rut diberi tempat secara percuma di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, Kota Bharu, untuk menjual sendiri hasil timun terbabit.

"Selain itu, mereka yang berada dalam sektor agromakanan diseru untuk mendaftar di bawah agensi atau jabatan berkaitan pada peringkat awal supaya pihak kementerian dapat membantu jika ada masalah terutama dari segi pemasaran," katanya ketika ditemui selepas melawat kebun timun di Kampung Pulai, Mukim Chicha Tinggi, di sini, hari ini.

Che Abdullah berkata, di Kelantan sebanyak 2,500 tan hasil pertanian dipasarkan membabitkan nilai RM2.4 juta dalam tempoh yang sama.

Katanya, pengusaha kebun yang terkesan juga mengakui berpuas hati dengan bantuan FAMA, selain bersedia untuk terus memulakan tanaman baharu selepas ini dengan lebih tersusun melalui penyertaan Ladang Kontrak.

"Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa Kedua, FAMA turut mewujudkan bilik gerakan (Crisis Management Centre) yang beroperasi bermula jam 8 pagi sehingga 7 malam."

"Saya juga menyarankan orang ramai untuk membeli barang dalam atas talian bagi mengelak risiko jangkitan wabak melalui aplikasi yang disediakan seperti Agrobazar Online (ABO)

dan e-commerce, begitu juga melalui Lazada, MyGrocer dan OurFarm AirAsia," katanya.

Dalam perkembangan lain, Che Abdullah berkata, kementerian juga membantu masalah lambakan durian dengan menghasilkan pelbagai produk makanan berdasarkan buah itu.

Katanya, sebanyak 100 sehingga 150 tan durian dijangka diguna untuk menghasilkan produk seperti pes, kek, tempoyak dan lempuk.

Katanya, inisiatif itu diambil hasil kerjasama FAMA Kelantan dengan membeli serta mengumpulkan durian seluruh negeri untuk ditempatkan di Pusat Operasi FAMA di Machang, sebelum diproses menjadi produk makanan.

"Kadar harga bagi durian biasa (kampung) juga pada masa ini ditetapkan RM2 sekilogram dan di Kelantan berlaku lambakan kira-kira 26 tan pada minggu lalu. Kita jangkakan musim durian tidak panjang, jadi harga tidak turun terlalu rendah."

"Kementerian turut membantu ramai usahawan memasarkan durian ke luar Kelantan yang mana difahamkan harga buah berkenaan masih mencecah RM6 sekilogram di negeri luar seperti Kuala Lumpur," katanya.

Dalam perkembangan lain, Che Abdullah berkata, MAFI mengeluarkan sebanyak 20,274 surat kebenaran pembabitan sektor pertanian tidak formal termasuk aktiviti rantaian pembekalan dan pemasaran berkaitan keperluan makanan.



03 AUG, 2021

FAMA pasarkan 11,000 tan hasil tani

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Che Abdullah (dua dari kanan) melihat lambakan timun yang diusahakan Nik Izani Nik Yaakub (kanan) ketika lawatannya di projek tanaman timun seluas tiga ekar di Kampung Pulai, Mukim Chicha Tinggi, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Inisiatif bantu petani berhadapan lambakan sayur-sayuran

Pasir Mas: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membantu memasarkan 11,000 tan hasil pertanian membabitkan nilai khidmat pemasaran sejumlah RM38.